

Mencari bayi paling aktif

pengelola
SHAHIDA SARHID
sshahida@
sph.com.sg



COMELNYA ADIK-BERADIK: Amsyar Amran (tengah) bersama-sama dengan abangnya, Amirul Amran, 12 tahun, dan kakaknya, Seri Sulastrie Amran, lima tahun. – Foto-foto TUNI SHARIFF



BERAKSI: Amsyar Amran, dua tahun, bakal bertanding dalam peringkat akhir acara bayi paling aktif.

Bawa anak ke beberapa tempat permainan sebagai pendedahan

IKA lazimnya kita sering dengar tentang keinginan rakyat Singapura untuk memiliki 5C, tetapi sekiranya anda pergi menyaksikan pertandingan *Baby Singapore 2010*, anda akan melihat 3 bentuk C yang lain.

Comel, Cerdas dan Cerdik!

Diadakan buat kali ketiga, acara *Baby Singapore 2010* yang dianjurkan oleh Persatuan Rakyat Jabatan Kehidupan Berkeluarga, ia bertujuan menggalakkan keakraban keluarga di samping menyemai semangat keibubapaan.

Acara kali ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kategori bayi paling aktif dalam sukan dan adik-beradik yang paling mesra kamera.

Bagi kategori adik-beradik paling mesra kamera, ia bertujuan mengeratkan lagi pertalian adik-beradik terutama mereka yang berusia di antara enam bulan dengan enam tahun serta sesi mengajak ibu bapa memainkan peranan yang lebih penting untuk memupuk nilai-nilai murni kepada anak-anak mereka.

Bagi kategori bayi paling aktif dalam sukan pula, ia menitikberatkan pentingnya keakraban keluarga menerusi aktiviti seperti sukan dan

ia disasarkan pada bayi yang berusia di antara 12 bulan dengan 24 bulan.

Sejumlah 29 peserta bagi setiap kategori mengambil bahagian dalam peringkat akhir dengan kategori adik-beradik paling mesra kamera berlangsung semalam, manakala peringkat akhir bagi kategori bayi paling aktif dalam sukan pula diadakan hari ini dari 6 petang hingga 7.30 malam di Marina Square, Centre Stage.

Kesemua 29 finalis telah bertanding di peringkat kawasan undi di antara Mac dengan April lalu dan merupakan pemenang di kawasan undi masing-masing.

Salah seorang yang bayi mereka merupakan pemenang bagi Kelab Masyarakat (CC) Chong Pang ialah Cik Suriani Salleh, 33 tahun, seorang suri rumah tangga.

"Saya tidak menyangka anak saya yang bongsu ini boleh membawa tuah! Dia amat aktif sekali terutama apabila dia disertakan dalam pertandingan yang menguji ke tangkasannya mengangkat bola dan meletakkannya di dalam sebuah kotak yang terletak sejauh sekitar 20 meter daripada garisan permulaan," ujar Cik Suriani dengan penuh gem-

bira apabila mengenang kembali saat ketika anak ketiganya, Amsyar Amran, dua tahun, memenangi pertandingan itu.

Sebenarnya menurut Cik Suriani, pada awalnya beliau menyertakan nama anak lelaki sulungnya, Amirul Amran, 12 tahun, dan anak perempuannya, Seri Sulastrie Amran, lima tahun, untuk kategori adik-beradik paling mesra kamera tetapi mereka tidak layak ke pusingan seterusnya.

Namun apabila ada seorang pegawai CC menyarankan agar beliau meletakkan nama Amsyar dalam kategori bayi paling aktif, ternyata ia membuahkan hasil.

"Bagi peringkat akhir hari ini, saya sudah beli baju polo berwarna putih siap dengan topi dan kasut putih. Saya juga akan datang dua atau tiga jam lebih awal agar Amsyar dapat menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekeliling," ujar Cik Suriani yang bakal menghadiri acara itu bersama-sama suaminya, Encik Amran Asdi, 40 tahun, seorang pegawai penghantaran.

Namun persediaan bagi bayi Encik Mohammad Irshad pula jauh lebih berbeza kerana bapa yang cukup aktif dalam sukan ini sering membawa anak bongsunya, Nisa Irshad, 16 bulan yang merupakan pemenang bagi kategori yang sama bagi CC Jelutong, ke beberapa tempat permainan.

Beliau berharap dengan pendedahan itu satu-satunya anak perempuannya itu akan lebih memahami kehendak pertandingan itu.

"Nisa, budaknya memang aktif dan cerdas. Setiap kali saya bermain bola sepak ataupun badminton, saya akan mengajaknya bersama. Saya juga berharap dia akan membesar menjadi antara pemain tenis terkemuka dunia seperti pemain tenis wanita India, Sania, yang juga merupakan seorang Muslim," ujar Encik Irshad yang merupakan seorang arkitek sistem kanan di bank UBS.

Semasa di peringkat kawasan undi, Nisa juga berjaya mencatatkan masa terpantas iaitu 40 saat jauh di hadapan rakan-rakan sebayanya yang lain.

"Semasa Nisa berusia lapan bulan, doktor pernah menyatakan bahawa Nisa hanya boleh berjalan apabila usianya dua tahun, jauh lebih lambat daripada bayi-bayi biasa yang lain.

"Tetapi saya tidak dapat menerima kenyataan doktor itu dan berusaha sendiri. Namun saya amat bersyukur kerana akhirnya Nisa sudah dapat berjalan apabila usianya 10 bulan," tambah Encik Irshad yang menyuruh anaknya berdiri di belakang kerusi roda atau *walker* dan bukannya menggunakan alat itu seperti yang biasa digunakan untuk membiasakan anaknya dengan berjalan sendiri.